

SOALAN NO: 254

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN SIM CHEE KEONG

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan unjuran pekerja migran di negara ini setiap tahun dari 2000 hingga 2020, angka sebenar, dan nyatakan strategi Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja migran.

PR-1351- T00271

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dasar Kerajaan adalah untuk memberi keutamaan dalam pekerjaan kepada rakyat Malaysia terlebih dahulu. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja warganegara tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja warganegara dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing.
2. Kerajaan turut mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* sebelum permohonan majikan diberikan pertimbangan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat warganegara.
3. Penggajian pekerja asing hanya dibenarkan bagi jawatan tertentu dalam enam (6) sektor formal iaitu sektor pembinaan; pertanian; perladangan; perkilangan; perlombongan dan pengkuarian; dan perkhidmatan (subsektor restoran (tukang masak), pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa dan refleksologi, kedi (lelaki), pengendalian kargo (pelabuhan dan lapangan terbang) dan pembantu taman tema serta satu (1) sektor informal iaitu pekhidmat domestik.

4. Selain itu, untuk memastikan penggajian pekerja asing tidak melebihi 15% sepetimana sasaran dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan menarik minat pekerja warganegara untuk memasuki pasaran kerja seperti berikut:

- (i) mempromosi dan memudahcara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja;
- (ii) menggalakkan sektor-sektor yang berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;
- (iii) menetapkan ratio pekerja warganegara dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Sebagai contoh, sektor perladangan (kelapa sawit), keluasan tanah 8 hektar untuk 1 pekerja dan getah pula keluasan tanah 4 hektar untuk 1 pekerja. Manakala, untuk sektor perkilangan, bagi syarikat dalam subsektor elektrik dan elektronik, nisbah kelayakan yang ditetapkan adalah 2 pekerja warganegara bagi 1 pekerja asing;

- (iv) pelaksanaan Surat Aku Janji Majikan (*Employers Undertaking*) mulai 1 Januari 2017 yang mengehendaki majikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja asingnya bermula dari peringkat kemasukan, penggajian sehingga penghantaran pulang pekerja tersebut ke negara asal; dan
- (v) mengutamakan *exit policy* penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara.

5. Sementara itu, berdasarkan Statistik Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) Aktif yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi tempoh 2000 hingga 2016 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH
2000	807,096
2001	849,829
2002	1,067,529
2003	1,336,980
2004	1,470,090
2005	1,815,238
2006	1,869,209
2007	2,044,805
2008	2,062,596

2009	1,591,461
2010	1,817,871
2011	1,573,061
2012	1,571,589
2013	2,250,322
2014	2,073,414
2015	2,135,035
2016	1,866,369

Tuan Yang Di Pertua,

6. Manakala, mengenai unjuran keperluan pekerja asing sehingga tahun 2020 pula, berdasarkan laporan kajian awal yang dijalankan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), guna tenaga negara diunjurkan meningkat kepada 15.3 juta orang menjelang tahun 2020 berbanding 13.8 juta orang pada tahun 2015, di mana unjuran penggajian pekerja asing dijangka mengalami peningkatan sehingga 3.1 juta orang atau 19% daripada jumlah keseluruhan guna tenaga negara, sekiranya Malaysia masih terus bergantung kepada industri berorientasikan buruh dan berpendapatan rendah. Namun begitu, Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil pelbagai langkah bagi mengurangkan penggajian pekerja asing supaya ia selaras dengan sasaran dalam RMKe-11 iaitu penggajian pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah keseluruhan guna tenaga negara menjelang tahun 2020.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT TUAN SIM CHEE KEONG**
[BUKIT MERTAJAM]

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan secara terperinci semua pemberian Kerajaan pusat kepada setiap Kerajaan negeri mengikut pecahan termasuk dana pembangunan mengikut jenis, setiap tahun dari tahun 1990-2016.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian peruntukan pembangunan kepada Kerajaan Negeri mengikut tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun iaitu dari tahun 1991 hingga 2016 adalah seperti berikut:

NEGERI	RMKe-6	RMKe-7	RMKe-8	RMKe-9	RMKe-10	RMKe-11
	1991-1995 (RM'B)	1996-2000 (RM'B)	2001-2005 (RM'B)	2006-2010 (RM'B)	2011-2015 (RM'B)	2016 (RM'B)
Johor	3.12	5.56	7.99	13.83	9.80	1.89
Kedah	3.16	3.78	6.47	9.39	5.41	1.20
Kelantan	1.52	2.28	3.73	6.20	5.35	1.25
Melaka	0.95	1.57	3.37	4.31	2.11	0.41
N.Sembilan	1.22	2.12	5.11	9.05	5.34	0.53
Pahang	2.55	2.98	7.58	10.38	9.85	2.02
Perak	2.29	3.24	8.96	9.87	5.33	1.04
Perlis	0.54	1.26	1.28	2.79	2.36	0.26
P.Pinang	1.45	2.64	3.87	6.34	4.60	0.68
Sabah	2.55	6.93	11.00	19.85	20.34	3.81
Sarawak	2.92	5.93	10.63	14.75	18.09	4.08
Selangor	4.32	11.02	11.17	18.63	10.64	2.35

Terengganu	1.89	2.47	2.96	6.44	5.90	0.97
W.Persekutuan	4.13	6.82	22.73	26.97	26.74	3.25

Sekian, terima kasih.